

1 Tulis “Betul” atau “Salah” bagi pernyataan yang berikut.

- (a) Data ialah maklumat berbentuk angka yang dikumpulkan semasa menjalankan kerja luar atau dibuat berdasarkan laporan orang lain.
- (b) Pemerhatian secara langsung ataupun tidak langsung dijalankan untuk mengumpulkan maklumat sebelum direkodkan ke dalam jadual.
- (c) Lazimnya data-data yang dikumpulkan sukar dibaca kerana tidak tersusun.
- (d) Jadual ialah satu susunan data dalam cara yang teratur atau tersusun dan mudah dibaca.
- (e) Lazimnya maklumat dalam jadual disusun daripada nilai terkecil hingga yang terbesar.
- (f) Jadual mempunyai petunjuk, paksi X dan paksi Y.

2. Namakan graf yang sesuai dibina berdasarkan jadual di bawah ini.

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Hujan (mm)	98	85	120	240	275	80	90	90	100	220	250	130
Suhu (°C)	12	14	13.5	12.8	12.9	13	15	13.3	13.8	14	15.5	14.6

(a)

Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sep	Okt	Nov	Dis
Suhu (°C)	28	29	30	32	34	31	35	31	36	34	30	27

(b)

Makanan kegemaran	Bilangan murid
Nasi lemak	13
Roti canai	14
Roti bakar	8
Nasi goreng	4
Jumlah	39

(c)